
Title	Bicara Jauhari 1
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1995 Muhammad Ariff bin Ahmad

© Haji Muhammad Ariff Ahmad

disampaikan kepada

Bicara Jauhari 1

anjuran Angkatan Sasterawan 50

Perpustakaan Daerah Tampines, Singapura

pada Ahad 19 Mac 1995 @ jam 10.30

*Bismillah ir-Rahman ir-Rahim
Alhamdulillah wa Syukurillah
Wa shalatu wa salamu ala Rasulillah
Wa la haula wa la Quwata illa billah..
Asyhadu an la ilaha illallahu wahdahu la syarikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan abduhu wa Rasuluhu.*

Sdra Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Menteri Negara Pendidikan, yang juga Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Ketua Penaung Asas 50, Haji Sidek Saniff,

Yang Berhormat Yang Berhormat...

Yang Berbahagia Ketua Pengarah DBP Malaysia, Haji Abd Aziz Deraman,

Yang Mulia Pengerusi Dialog BJI Sdra Selamat Omar dan para anggota panelnya YB

Yang Berhormat Haji Yatiman Yusof, Yang Berbahagia Prof Tan Sri Dato Haji Ismail Hussien, Yang Berbahagia Ust Syed Abdillah Al-Jufri dan Sdra Haji Masuri S.N.,

Yang Dihormati tetamu-tetamu dari GAPENA dan PPJ, Anggota Asas 50 serta sekalian hadirin hadirat,

Assalamualaikum wR wB..

Alhamdulillah, dengan izin Allah yang maha Pengasih lagi maha Pengasih-an, akhirnya dengan kerjasama pihak Perpustakaan Daerah Tampines, Asas 50 telah dapat menganjurkan pertemuan yang kita namakan Bicara Jauhari ini. Pertemuan ini telah dirancang semenjak Oktober 1994, apabila Jawatankuasa Kerja yang sekarang ini dilantik Mesyuarat Agung Tahunan pada September 1994, sebagai satu cara hendak terus menghidup dan menyemarakkan kesusasteraan Melayu di negara berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang agama dan berbilang budaya - Singapura - ini.

Asas 50 telah ditubuhkan dalam pertemuan 19 penulis muda yang berumur antara 22 hingga 28 tahun pada 6 Ogos 1950. Sebenarnya lebih dari 160 orang penulis budiman termasuk anggota Sahabat Pena telah saya undang, namun hanya 19 orang itulah (17 dari Singapura, 1 dari Pontian dan 1 dari Serkam) yang hadir ke pertemuan tersebut. Antara, 19 orang yang hadir itu, 15 segera menjadi pengasas dan yang empat lagi masih mahu kekal jadi penulis budiman tanpa persatuan. 13 daripada 15 pengasas itu bersetuju menjadi anggota jawatankuasa protem dan yang 2 lagi menjadi pemeriksa kira-kira.

Bermula dengan 15 anggota pendiri pada 6 Ogos 1950 itu, Asas 50 mulai menjadi sebuah persatuan penulis Melayu [khususnya penulis muda yang berfaham dan berpendirian baru] pan Malayan yang mendukung cita-cita hendak menjadikan karya sastera Melayu [dalam bentuk apa pun juga] sebagai alat atau sebagai pendorong untuk mencapai kemerdekaan tanahair - Malaya.

Dari 15 anggota pendiri itu anggota Asas 50 bertambah menjadi 29 pada 16 Jun 1951, menjadi 63 pada 4 Ogos 1951, menjadi 78 pada 13 September 1951 dan menjadi 89 pada 5 Januari 1952. Pada waktu mengadakan Kongres Persuratan Melayu se-Malaya yang pertama pada 12 dan 13 April 1952, Asas 50 mempunyai 89 orang anggota terdaftar yang terdiri daripada para sasterawan, wartawan, penulis makalah dan peminat sastera seluruh Malaya.

Sepanjang ingatan saya, Asas 50 belum pernah berkempen untuk memperbanyak bilangan anggota, namun sehingga hari ini seramai 382 orang penulis dan sasterawan Melayu Malaya [termasuk Singapura, Malaysia dan Brunei] telah terdaftar sebagai anggota Asas 50.

Bagaimanapun, oleh sebab perkembangan politik di Malaya sepanjang 1957-1965 mengalami banyak perubahan, maka Asas 50 berubah menjadi sebuah pertubuhan penulis berbahasa Melayu yang terdaftar di bawah pejabat Pendaftar Petubuhan-petubuhan (*Registrar of Societies*) Singapura dengan anggota yang terdiri dari rakyat dan penduduk tetap Singapura.

Selain dari anggota-anggota yang pulang kampung, yang berhijrah ke Malaysia dan yang mati, berlaku juga keadaan 'anggota keluar-masuk'. Hal yang demikian itu, menjadikan anggota Asas 50 yang sah menurut perlembagaan hingga kini tinggal 68 orang - 19 anggota seumur hidup dan yang selebihnya ialah anggota biasa yang membayar yurannya 50 sen sebulan atau \$6.00 setahun. Seorang anggotanya tinggal di Johor Bahru, yang lainnya di Singapura.

Walaupun demikian, Asas 50 belum pernah gusar tentang anggota kerana kegiatan Asas 50 selama ini bukanlah teruntuk bagi anggotanya semata-mata, tetapi kegiatan-kegiatan itu disertai dan dinikmati juga oleh yang bukan anggota, khususnya oleh mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dengan kegiatan kesusasteraan Melayu di sini.

Pada 6 Ogos 1995 mendatang ini, insya Allah, Asas 50 akan berusia 45 tahun - tahap umur yang menunjukkan kedewasaan dan kematangan. Syukurlah bahawa Asas 50 telah dapat menempati sejarah secara wajar, sesuai dengan keadaan hidup yang begitu bergolak disebabkan fenomena politik, sosial dan budaya semasa sehingga berada diambang HUTnya yang ke-45nya.

Belum disusun sebarang rancangan menyambut hari jubli emasnya pada tahun 2000, tetapi JKK sedang memperkemas pertadbirannya dan merancang beberapa kegiatan untuk menjadikan Asas 50 ini persatuan sasterawan yang bermanfaat kepada sekalian anggota khususnya dan kepada masyarakat kesusasteraan Melayu umumnya.

Selain daripada memperbaiki kerjasama dengan badan-badan budaya, peruratan dan pendidikan di Singapura, Asas 50 telah mengukuhkan hubungannya dengan PPJ (Persatuan Penulis Johor) - terutama berhubung dengan urusan Dialog Selatan. Asas 50 telah juga mengadakan dialog dengan Dewan Bahasa & Pustaka - terutama dalam hal penerbitan. Dengan GAPENA, Asas 50 telah dua kali berdialog untuk terus bekerjasama - terutama dalam hal menatarkan pengetahuan dan pengalaman sastera, juga yang berhubung dengan PSN (Pertemuan Sasterawan Nusantara).

Dengan PPJ dan GAPENA Asas 50 akan menganjurkan perkhemahan penulis/sasterawan muda SIJORI (Singapura, Johor, Riau). Asas 50 menghibau penulis-penulis muda Singapura - sama ada yang anggota Asas atau yang bukan, supaya menyertai perkhemahan yang mungkin akan dilaksanakan di Pulau Pengengat, Riau dalam masa yang tidak lama dari sekarang. Rancangan sedang diatur, sekalian yang berminat sila hubungi Asas 50.

Perkhemahan awal ini mungkin akan mengumpulkan 30 peserta yang terdiri dari 10 penulis muda PPJ, 10 penulis muda dari Singapura dan 10 lagi penulis muda dari Riau. Asas 50 telah bersetuju untuk mengakap ke Riau, meninjau kemungkinan sambutan Riau. Jika bersetuju, Riau akan diminta menjadi tuanrumah dan Asas 50 akan mengaturkan pemergian rombongan Singapura dan Johor ke Riau. Jika perkhemahan itu berjaya, mungkin langkah-langkah selanjutnya untuk memperkembang bakat penulisan SIJORI dapat diatur.

Akan forum Bicara Jauhari yang dilaksanakan sebentar lagi pada hari adalah merupakan pendekatan yang diambil Asas 50 untuk membuka tirai pembangunan semulanya setelah ia dikatakan orang agak lesu beberapa waktu kebelakangan ini. Hasil dari forum ini akan kami jadikan panduan untuk menyediakan kegiatan-kegiatan kesusasteraan selanjutnya sebagai khidmat Asas 50 terhadap masyarakat.

Jika perlu, insya Allah, Bicara Jauhari ini akan kami jadikan kegiatan tahunan atau dwitahunan untuk memungut dan mengumpulkan idea yang boleh menjadi penggugah masyarakat supaya sentiasa sedar dan cega akan wujudnya, hubungannya dan fungsi kesusasteraan dalam kehidupan manusia, kerana kita sedar hidup tanpa sastera itu serupa dengan badan tanpa jiwa..

Para jauhharawan yang akan mengisi Bicara Jauhari pada kali ini ini sengaja kami pilih dari empat golongan kekaryawanan yang berbeda supaya mudah-mudahan perbedaan-perbedaan pandangan dan pengalaman mereka akan dapat kami adun dan menjadikannya panduan yang berguna untuk menggiatkan Asas 50 mencapai matlamatnya "membina manusia" dengan sastera..

Forum ini akan dilaksanakan berdasarkan pendapat dan pandangan:

- Yang Berhormat Haji Yatiman Yusuf - menurut pandangan politiknya.
- Yang Berbahagia Prof Tan Seri Dato' Ismail Hussin - menurut pandangan cendekiawan yang bukan sahaja menusantara malah menjagat.
- Yang Berbahagia Ustaz Abdillah al-Jufri, Penolong Pengarah Pendidikan Islam MUIS - menurut pandangan keagamaan. Dan..
- Yang Berbahagia Saudara Masuri S.N. - menurut kacamata kesastera-
wanannya,

dengan Makalah Utama yang akan disampaikan oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Haji Abdul Aziz Deraman.

Akhirnya, saya sampaikan penghargaan dan ucapan terimakasih Asas 50 yang tidak terhingga kepada:

Ketua penaung Asas 50, Haji Sidek Saniff
Penaung-penaung Asas 50, Haji Yatiman Yusuf dan Enc Haron A Ghani,
Pengarah dan pegawai-pegawai Perpustakaan Daerah Tempines,
Para sponsor dan dermawan,
Para anggota panel forum Bicara Jauhari,
Para tetamu dari GAPENA dan PPJ,
Sekalian tetamu dan para tamu peserta,
Sekalian anggota Tegarap Bicara Jauhari
Sekalian pembantu dan sukarelawan.. dan

kepada sesiapa sahaja yang secara langsung atau tak langsung mempunyai saham penggarapannya dalam pelaksanaan Bicara Jauhari ini, yang tanpa mereka mungkin Bicara Jauhari ini tidak terlaksana sebagaimana adanya.

Sekian,
wabillahir-Hidayah wat-Taufiq..
wassalamualaikum wR wB.